



MALAYSIAN JOURNAL OF ISLAMIC DEVELOPMENT

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/myjid>

How to cite this article:

Yusuff, N.A. & Din, M.A.O. (2026). Usaha pengekalan jati diri melayu Kelantan berpaksikan warisan adat melayu dan adab Islami. *Malaysian Journal of Islamic Development*, 1(1), 59-77. <https://doi.org/10.32890/myjid2026.1.1.5>

USAHA PENGEKALAN JATI DIRI MELAYU KELANTAN BERPAKSIKAN WARISAN ADAT MELAYU DAN ADAB *ISLAMI*

¹Nur Azuki Yusuff & ²Mohamed Anwar Omar Din

¹Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia

²Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

¹Corresponding author: nurazuki@umk.edu.my

Received: 11/5/2026

Revised: 3/6/2026 Accepted: 12/7/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Kelangsungan bangsa bergantung kepada ketahanan masyarakat mempertahankan jati diri, sistem nilai dan warisan budayanya. Makalah ini bertujuan membuktikan unsur adat Melayu dan adab *Islami* menjadi asas penting yang membentuk identiti masyarakat dengan menghuraikan identiti Melayu Kelantan, pengertian adat dan adab *Islami* menurut perspektif persuratan Melayu, perundangan negeri serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), di samping meneliti ciri-ciri utama adat Melayu Kelantan yang membentuk peradaban masyarakatnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumentasi yang melibatkan manuskrip Melayu klasik, enakmen negeri, laporan rasmi kerajaan, karya akademik, bahan persuratan watan Kelantan dan sumber rasmi. Dapatan menunjukkan bahawa adat Melayu Kelantan tidak terbatas kepada amalan tradisi semata-mata, bahkan meliputi sistem tamadun, budaya, undang-undang, muamalat dan nilai sosial yang berteraskan Islam. Adab *Islami* pula berfungsi sebagai asas pembentukan akhlak, kesopanan, pendidikan, hubungan sosial dan kesedaran kenegaraan masyarakat Melayu Kelantan. Oleh itu, pemerkasaan adat Melayu dan adab *Islami* merupakan mekanisme penting dalam mempertahankan jati diri Melayu Kelantan dalam menghadapi cabaran modenisasi dan globalisasi semasa.

Kata kunci: Adat Melayu, adab *Islami*, jati diri, Melayu Kelantan, warisan.

ABSTRACT

The continuity of a nation depends upon the resilience of its society in preserving its identity, value system, and cultural heritage. This paper aims to demonstrate that Malay customs (adat Melayu) and Islamic etiquette (adab Islami) constitute fundamental elements in shaping communal identity by examining the identity of Kelantan Malay, the meanings of Malay customs and Islamic etiquette from the perspectives of Malay literary traditions, state legislation, and the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), as well as analysing the principal characteristics of Kelantan Malay customs that underpin the civilization of its society. This study employs a qualitative approach through documentary analysis involving classical Malay manuscripts, state enactments, official government reports, academic works, indigenous Kelantan literary sources, and official references. The findings reveal that Kelantan Malay customs are not confined merely to traditional practices; rather, they encompass a broader civilizational system comprising culture, law, economic transactions (muamalat), and social values rooted in Islamic principles. Islamic etiquette, meanwhile, functions as the foundation for the formation of morality, civility, education, social relations, and civic consciousness within Kelantan Malay society. Hence, the strengthening of Malay customs and Islamic etiquette constitutes a crucial mechanism for preserving the identity of the Kelantan Malays in confronting the contemporary challenges of modernization and globalization.

Keywords: Malay customs, Islamic etiquette, identity, Kelantan Malays, heritage.

PENDAHULUAN

Perubahan dunia moden dan perkembangan globalisasi telah membawa transformasi besar terhadap budaya, pemikiran dan sistem sosial masyarakat dunia. Dalam konteks masyarakat Melayu, perubahan ini turut memberi kesan terhadap nilai tradisi, identiti budaya dan kefahaman masyarakat terhadap konsep adat dan adab. Situasi ini menyebabkan timbul kebimbangan dalam kalangan sarjana dan pemikir Melayu berkaitan hakisan jati diri bangsa Melayu, khususnya dalam aspek budaya, bahasa, nilai keagamaan dan sistem sosial.

Dalam sejarah peradaban Melayu, adat Melayu dan adab *Islami* memainkan peranan penting sebagai asas pembentukan masyarakat dan negara. Sebelum era kolonialisme Barat, sistem pemerintahan kerajaan Melayu menjadikan adat dan Islam sebagai sumber utama pentadbiran, undang-undang dan kehidupan sosial masyarakat. Adat bukan sahaja berfungsi sebagai kebiasaan hidup, bahkan menjadi sistem nilai dan peraturan masyarakat yang diwarisi secara turun-temurun. Islam pula memperkukuh sistem tersebut melalui pembentukan akhlak, adab dan pandangan hidup yang berpaksikan tauhid.

Namun demikian, proses modenisasi dan perubahan gaya hidup moden menyebabkan sebahagian besar warisan adat dan adab masyarakat Melayu semakin terpinggir. Perubahan struktur keluarga, urbanisasi, pengaruh media dan budaya luar turut menyumbang kepada perubahan pola pemikiran generasi muda Melayu. Dalam konteks ini, usaha memperkukuh kembali adat Melayu dan adab *Islami* menjadi sangat penting bagi memastikan kesinambungan identiti masyarakat Melayu.

Kelantan merupakan antara negeri Melayu yang masih memperlihatkan kesinambungan warisan adat dan budaya Melayu yang kuat. Masyarakat Melayu Kelantan terkenal dengan kekuatan identiti kenegerian, budaya ilmu, penghormatan terhadap institusi agama dan raja, serta pengamalan budaya

hidup yang berteraskan Islam. Oleh itu, Kelantan merupakan medan penting untuk memahami hubungan antara adat Melayu, adab *Islami* dan pembentukan jati diri masyarakat Melayu.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Perbincangan idea asas ini perlu dideduksikan supaya lebih terfokus dan sesuai untuk direalisasikan. Penulisan ini bertujuan untuk:

1. Menjelaskan identiti Melayu Kelantan.
2. Menghuraikan adat Melayu dan adab *Islami* dan konsep adat Melayu Kelantan.
3. Mengenal pasti ciri-ciri utama adat Melayu Kelantan dan adab *Islami*.
4. Menjelaskan kepentingan adat dan adab *Islami* dalam pembinaan jati diri dan pembangunan masyarakat Melayu Kelantan.

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumentasi. Data diperoleh daripada manuskrip Melayu klasik, bahan persuratan Melayu Kelantan, enakmen negeri, laporan rasmi kerajaan, karya ilmiah, jurnal akademik, bahan arkib dan sumber rasmi berkaitan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu-Kelantan (MAIK). Antara sumber utama yang digunakan termasuk *Hikayat Seri Kelantan*, *Riwayat Kelantan*, *Civil War in Kelantan*, laporan tahunan kerajaan Kelantan, Enakmen Tanah Negeri Kelantan 1938 dan Enakmen MAIK 1994. Data dianalisis secara deskriptif bagi menghuraikan konsep adat, adab dan identiti Melayu Kelantan secara menyeluruh.

MENGENALI IDENTITI MELAYU KELANTAN

Melayu Kelantan telah menghuni bumi Kelantan semenjak 60,000 tahun dahulu lagi dan merupakan antara sub-etnik paling asal di Semenanjung Tanah Melayu. Melalui kaedah *genetic mithochondrial-DNA*, Melayu Proto dibezakan dengan Melayu moden yang berasal dari populasi Mongoloid. (Zafarina Zainuddin, 2011).

Justeru, bagi menjawab objektif satu, identiti etnik Melayu Kelantan boleh dikenali secara perundangan dan perspektif watan Kelantan. Secara perundangan, terdapat dua entiti komuniti di Kelantan; ‘Anak Jati Kelantan’ (*Native of Kelantan*) dan ‘Orang Melayu-Kelantan’ (*the Malay*) (Mohamed Anwar Omar Din (2018). Ini kerana, adat dicorakkan oleh masyarakat yang mendukungnya secara kolektif. Justeru, konsep dan ciri-ciri adat Melayu-Kelantan tidak boleh ditelusuri oleh adat bukan Melayu-Kelantan seperti adat Cina-Kelantan dan Siam-Kelantan.

1. ‘Anak Jati Kelantan’ (*Native of Kelantan*) ditakrif berasaskan Perkara 2 (Bahagian 1), *Enactment* No. 26 of 1938 (Enakmen Tanah Negeri Kelantan) yang memaktubkan bahawa: ‘Rakyat Jati Kelantan’ adalah seseorang yang tergolong dalam salah satu daripada kumpulan berikut: Sesiapa saja yang dilahirkan di Kelantan dan bapanya adalah orang Melayu; yang ibunya adalah Melayu dan bapanya orang Islam; Sesiapa saja yang dilahirkan di mana-mana sahaja yang bapanya adalah orang Melayu yang dilahirkan di Kelantan; yang kedua-dua ibu bapanya adalah orang Melayu dan telah menetap di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun, dan; Sesiapa saja yang dilahirkan di Kelantan dan bapanya juga dilahirkan di Kelantan.

Jelas secara perundangan; seperti mana dimaktubkan dalam Perkara 2 (e), Bahagian 1, *Enactment* No, 26 of 1938 (Enakmen Tanah Negeri Kelantan) yang menyebut “Sesiapa saja

yang dilahirkan dan bapanya juga dilahirkan di Kelantan” – ‘Anak Jati Kelantan’ tidak semestinya hanya terdiri daripada orang Melayu dan juga tidak semestinya beragama Islam. Sebaliknya, ‘Anak Jati Kelantan’ dalam takrif perundangan ini adalah terdiri daripada sesiapa saja tanpa mengira mana-mana bangsa dan anutan agama asalkan bapanya dilahirkan di negeri Kelantan. Schubungan itu, ‘Anak Jati Kelantan’ adalah terdiri daripada orang Melayu beragama Islam dan juga orang bukan-Melayu yang tidak beragama Islam. Oleh itu, ‘Orang Asli’, orang Siam dan orang Cina yang tidak beragama Islam, bermastautin dan menjadi rakyat raja Melayu di negeri Kelantan sejak zaman berzaman juga boleh dikatakan anak jati Kelantan. Mereka dikenali sebagai ‘orang Siam Kelantan’ dan ‘orang Cina Kelantan’. Seperti mana dalam petikan di atas, berdasarkan Perkara 2 (e), Bahagian 1, *Enactment* No. 26 of 1938 mereka adalah tergolong sebagai ‘Anak Jati Kelantan’.

2. ‘Orang Melayu-Kelantan’ (*The Malay*) pula boleh ditakrif berdasarkan Enakmen Tanah Rizab Melayu Bil. 18/1930 (kuatkuasa 4 November 1930), iaitu: Melayu ertinya seseorang yang berasal dari mana-mana bangsa ‘Malayan’ yang bercakap mana-mana bahasa Malayan dan menganut agama Islam. Istilah ‘bangsa Malayan’ dalam kenyataan ini adalah merujuk semua orang dari Alam Melayu-Nusantara yang menjadi pendudukan negeri-negeri Melayu. (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 17 Ogos 1932). Oleh itu secara perundangannya, ‘Orang Melayu-Kelantan’ juga adalah terdiri daripada mana-mana kaum atau bangsa dari Alam Melayu-Nusantara, meliputi orang Jawa, Bugis, Minangkabau, Banjar dan sebagainya asalkan bertutur bahasa Melayu dan menganuti beragama Islam. Namun, takrif ‘Orang Melayu-Kelantan’ dalam *The Malay Reservation Enactment*, 1930 itu perlu dirujuk bersama dengan Perkara 2 (Bahagian 1), *Enactment* No. 26 of 1938 (Enakmen Tanah Negeri Kelantan) digubal bagi mengatasi kelonggaran takrif ‘Orang Melayu-Kelantan’ dalam *The Malay Reservation Enactment*, 1930 (atau Enakmen Tanah Rizab Melayu Bil. 18/1930, dikuatkuasakan 4 November 1930) itu. Maka, hasil cantuman kedua-dua dokumen ini, secara perundangannya ‘Orang Melayu-Kelantan’ dapat ditakrifkan sebagai mana-mana kaum atau bangsa dari Alam Melayu-Nusantara meliputi orang Jawa, Bugis, Minangkabau, Banjar dan sebagainya – yang bertutur bahasa Melayu, menganuti beragama Islam dan telah bermastautin (menetap) di negeri Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun. (Mohamed Anwar Omar Din 2018 dalam A Aziz Deraman dan Baharin Ilias, *Kelantan Sejarah Adat dan Warisan*).

Walau bagaimanapun, takrifan secara perundangan ini belum tepat sekiranya ditelusuri dari perspektif watan Kelantan, iaitu; ‘Orang Melayu-Kelantan’ adalah anak cucu penduduk asal negeri Kelantan, tidak ada tempat lain selain negeri Kelantan yang menjadi tempat asal nenek moyang mereka, bertutur bahasa Melayu, beragama Islam, merupakan rakyat raja Melayu-Kelantan dan berbangga dengan hakikat sebagai orang Melayu-Kelantan. Justeru itu, dari perspektif watan Kelantan, tidak timbul isu sama ada mereka telah bermastautin (menetap) di negeri Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun ataupun tidak kerana mereka adalah anak cucu orang Kelantan. Perkara paling asas ialah ‘Orang Melayu-Kelantan’ ditakrifkan sebagai seseorang yang memiliki empat unsur berikut secara bersepadu: Beragama Islam; Anak cucu rakyat raja Melayu-Kelantan; Beradat istiadat Melayu-Kelantan dalam erti kata mengamalkan cara hidup Melayu-Kelantan (bahasa dan tingkah laku), dan; berkeinginan dan berbangga menjadi orang Melayu-Kelantan secara berterusan.

Oleh itu, etnik Jakun, Sakai, Negrito (Bateq Lanoh, Jahai, Kensiu, Kintak, Mendriq, Mintil) Senoi (Semai, Mahmeri, Che Wong, Temiar, Jah Hut, Semoq Beri) dan orang Cina Peranakan (Cina kampung) tidaklah tergolong dalam takrif orang Melayu walaupun nenek moyang mereka bermastautin di Kelantan dan menjadi rakyat raja Melayu-Kelantan sejak zaman berzaman, kerana mereka tidak

beragama Islam. Juga orang daripada keturunan Syed/Syarifah (DKA/Darah Keturunan Arab) dan 'Mamak' (DKK/Darah Keturunan Keling) yang tidak beradat istiadat Melayu-Kelantan dan Tidak berkeinginan dan berbangga menjadi orang Melayu-Kelantan secara berterusan. (Abdul Hallim Hamad, Mohd Firdaus Che Yaakob & Mustafa Muhammad, 2025)

ADAT MELAYU, ADAB *ISLAMI* DAN KONSEP ADAT MELAYU KELANTAN

Berikut adalah perincian bagi menjawab objektif dua makalah ini:

Konsep Adat dalam Tradisi Melayu

Penulisan ini merujuk kepada penulisan Fatimah @ Hasnah Daud (2014) mengenai bahagian ini. Beliau menyatakan adat merujuk kepada kebiasaan hidup masyarakat yang diterima dan diamalkan secara turun-temurun sehingga menjadi peraturan sosial dalam kehidupan masyarakat. Haron Daud (1985) dan M. B. Hooker (1974 & 1991) menjelaskan bahawa adat meliputi unsur budi bahasa, tatatertib, undang-undang, perlakuan sosial dan kebiasaan hidup masyarakat.

Sidin, H.M (1964) pula mentakrifkan adat sebagai amalan yang diulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan dan diterima sebagai peraturan hidup masyarakat. Norazit Selat (2001) membahagikan adat kepada tiga kategori utama: Adat yang sebenarnya adat, Adat yang diadatkan dan Adat istiadat.

Adat yang sebenarnya adat merujuk kepada hukum alam yang bersifat semula jadi, manakala adat yang diadatkan merujuk kepada peraturan sosial yang diwarisi daripada nenek moyang. Adat istiadat pula melibatkan amalan ritual dan upacara tertentu dalam masyarakat.

MacIver (1972) melihat adat sebagai tatacara sosial yang diterima masyarakat dalam kehidupan harian seperti cara bercakap, makan dan bergaul. Muhammad Ariff (2007) pula membezakan adat dengan undang-undang; adat lahir daripada persetujuan masyarakat dan diwarisi secara turun-temurun, manakala undang-undang dibentuk oleh pemerintah dan dikuatkuasakan oleh institusi rasmi.

Dalam perspektif Islam, adat berkait rapat dengan konsep '*urf*'. Abdullah Alwi (2001) menjelaskan bahawa adat boleh dijadikan asas pertimbangan hukum selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariat Islam.

Adab *Islami* dalam Tradisi Melayu

Adab menurut *Kamus Dewan* merujuk kepada tingkah laku, budi bahasa, kesopanan dan akhlak yang baik. Dalam tradisi Islam, adab bukan sekadar etika sosial, tetapi merupakan manifestasi keimanan dan pembentukan peribadi Muslim.

Dalam konteks masyarakat Melayu Kelantan, adab *Islami* berkembang secara bersepadu dengan adat Melayu sehingga membentuk sistem budaya yang berteraskan Islam. Hal ini dapat dilihat melalui budaya kesopanan, penghormatan terhadap ilmu dan ulama, penggunaan bahasa sopan, pemeliharaan aurat dan penghormatan terhadap institusi raja Melayu.

Mohamed Anwar Omar Din (2018) menegaskan bahawa adat Melayu Kelantan pada asasnya berpaksi kepada Islam. Oleh itu, adat Melayu Kelantan bukan sahaja mencerminkan budaya tempatan, tetapi turut menggambarkan pandangan hidup Islam yang mendasari kehidupan masyarakatnya.

Konsep Adat Melayu Kelantan dalam Khazanah Persuratan

Konsep adat Melayu Kelantan dapat difahami dengan lebih jelas melalui penelitian terhadap khazanah persuratan Melayu Kelantan. Kelantan mempunyai sejumlah khazanah persuratan dalam bentuk tulisan klasik, antaranya Hikayat Seri Kelantan (1783-1914), Riwayat Seri Kelantan (1920-an), Cerita Patani Kelantan (1876) dan Pengasuh (1915). Selain itu, khazanah persuratan Kelantan terdiri daripada surat-surat raja dan pembesar dan dokumen rasmi Kelantan yang disusun oleh Skinner (1966) dalam buku *Civil War in Kelantan* (1866), *British Administration of Kelantan* (M) 172/1920; 7 September 1920) dan Gallop (1944). Khazanah persuratan ini penting ditelusuri kerana ia merupakan ‘perakam pemikiran sezamannya’. Carian khazanah persuratan Melayu diambil daripada laman sesawang *Malay Concordance Project* (<http://mcp.anu.edu.au/Q/texts.html>). Dengan cara ini, didapati khazanah persuratan Melayu-Kelantan yang mengandungi perkataan ‘adat’ ialah Hikayat Seri Kelantan, Riwayat Seri Kelantan, Sejarah Terengganu dan Kelantan, surat-surat raja dan pembesar Kelantan yang disusun oleh Skinner (1966) dalam buku *Civil War in Kelantan* dan dokumentasi (*British Administration of Kelantan* (M) 172/1920; 7 September 1920). Berdasarkan khazanah persuratan ini, dalam kalangan masyarakat Melayu lama negeri Kelantan adat membawa maksud: peradaban, peraturan negeri, tradisi (amalan sejak turun temurun), cara hidup (budaya), kelaziman, kesopanan, upacara, tatacara dan istiadat. Dalam manuskrip Melayu Kelantan, perkataan “adat” digunakan dalam pelbagai konteks seperti: tamadun, peradaban, budaya, undang-undang, tatacara sosial, kesopanan, dan tradisi kehidupan.

Berikut adalah pencatatan mengenai pengertian ‘adat’ dalam khazanah persuratan Melayu-Kelantan:

Adat bermaksud Tamadun/Peradaban

Dalam surat-surat raja dan pembesar Kelantan yang disusun oleh Skinner (1966) (dalam buku *Civil War in Kelantan*) terdapat kenyataan:

Surat 7:... kiranya bicara kerana anakanda tiadalah ketahui cara adat dan bahasa Siam...

Surat 23:... pembawaan sedikit-sedikit mamak hamba pun sudah ketahui akan hal adat sebelah barat ini...

Perkataan adat dalam kedua-dua petikan ini adalah bermaksud tamadun atau peradaban/*civilization*.

Hikayat Seri Kelantan (102:25):

Nik Seri Paduka sembah, “Perhamba Engkau mari ini ke bawah kaus anakanda raja Kelantan menyuruh perhamba Engku menghadap ini kerana adalah Mat Ali membuat pekerjaan menyalah adat. Orang panggil dengan sebab ia perintah tikam orang yang membawa sabda, itulah salahnya; disabda suruh perhamba tuanku mari pohon minta Mat Ali orang membuat salahan ...”.

Adat bermaksud cara hidup atau budaya dalam Hikayat Seri Kelantan (2004: 25):

Tuan Puteri Kembang Bunga membawa adiknya seorang lelaki menaiki wangkang belayar ke tengah lautan. Tidak lama kemudian sampailah mereka di negeri Patani. Tuan Puteri Kembang Bunga menyuruh orang-orangnya pergi menghadap orang-orang besar negeri Patani hendak menumpang kerana beliau tidak mengetahui adat dan bahasa orang Patani.

Frasa “adat dan bahasa orang Patani” dalam Hikayat ini adalah bermaksud ‘budaya’ atau ‘cara hidup’. Riwayat Kelantan (1920-an).

Dapat dinyatakan merujuk kepada teks khazanah lama bahawa adat adat bermaksud undang-undang dan peraturan negeri, amalan tradisi sejak turun temurun, kesopanan, kelaziman, upacara dan tatacara. Manakala dari sisi para Fuqaha; adat ialah ibadat, muamalat dan matlamat syari'at/maqasid syar'iiyyah.

ADAT MELAYU KELANTAN DAN ADAB *ISLAMI* MENURUT MAIK

Pengucapan 'adat' adalah bersifat umum dalam erti kata meliputi kedua-dua iaitu amalan yang diiktiraf (*urf*) dan juga amalan yang tidak diiktiraf (bukan *urf*). Sebaliknya, sebaliknya, pengucapan *urf* adalah bersifat khusus dalam erti kata hanya amalan yang selaras dengan Islam. Untuk mengelakkan kekeliruan, adalah disyorkan bahawa takrif adat' dirujuk berasaskan pengertian yang tersurat dan tersirat dalam titah-ucapan KDYMM Sultan Muhammad Ke-IV pada tahun 1915.

Gagasan konsep adat secara rasmi yang diguna pakai dalam pemerintahan dan tadbir urus di Malaysia bermula dengan titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad ke-IV semasa menyempurnakan majlis pemasyhuran penubuhan MAIK pada 24 Disember 1915/17 Safar 1334H.

“..... istiadat Melayu itu ialah yang melengkapi atas adat dan adab Melayu elok yang sayugiya dipelihara akan dia mengikut peredaran masa. Apakala kamu sekalian mengerti akan tujuan yang tersebut itu, hendaklah tiap-tiap seorang daripada kamu berfikir pada tiap-tiap perkara bergantung dengan Majlis ini kerana manfaat kepada yang ramai dan mendatangkan maslahat bagi negeri (Detik-Detik Sejarah Kelantan 1977: hlm 124).

Dalam bahasa Melayu amnya istiadat bermaksud tatacara, pada pandangan fuqaha adat bermaksud amalan atau urusan keduniaan. Manakala adab adalah bermaksud kesopanan dan akhlak. Frasa istiadat melayu bermaksud amalan kehidupan atau urusan keduniaan yang menuruti tatacara adab (akhlak) Islam. Istilah *urf* amat dekat dengan makna adat. Namun ia lebih umum. *Urf* bermaksud adat atau amalan yang diiktiraf. Di sini menjelaskan terdapat juga adat yang bukan *Urf* (tidak diterima Islam).(rujuk seksyen 3, enakmen keterangan Mahkamah Syariah 2002 (tafsiran enakmen 9 tahun 2002).

Secara tersiratnya daripada titah Baginda Sultan di atas menjelaskan adat adalah amalan-amalan dalam kehidupan (dalam bentuk perbuatan dan perkataan) yang dapat memberi manfaat kepada rakyat dan kerajaan negeri Kelantan. Hakikatnya amalan-amalan tersebut adalah urusan keduniaan. Iaitu sebagai urusan keduniaan yang selari dengan maksud muamalat yang berpaksikan Islam dengan membawa tujuan (maqasid) memajukan maslahah dan Maqasid Syar'iiyyah (dalam 8.0). Sebenarnya, sejak zaman berzaman, MAIK sentiasa memberi penekanan terhadap pengertian adat dari segi muamalat atau kemajuan sosioekonomi orang Islam. Pengertian adat secara praktikal ini dimaktubkan secara konkrit atau tuntas dalam Seksyen 7, Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen MAIK 1994 (Bahagian II - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu-Kelantan, di bawah subtajuk: Kewajipan Majlis mengenai kemajuan sosio-ekonomi orang-orang Islam). Justeru pengertian adat itu berpaksikan Islam, kerana objektif penubuhan MAIK itu sendiri bertujuan kebajikan dan maslahah rakyat dan kerajaan (Baharin Ilias, Mohd Fadli Ghani & Siti Fathihah Abdul Latif, 2025).

CIRI-CIRI UTAMA ADAT MELAYU KELANTAN DAN ADAB ISLAMI

Bagi menjawab objektif tiga, sepanjang pengamatan di akar umbi kehidupan Orang Melayu-Kelantan, penulis merumuskan bahawa: adat Melayu-Kelantan dan adab *Islami* adalah berorientasikan nilai Islam, berjiwa agama, darjah cakna yang tinggi, paling rendah semangat kepuakan ('asabiyah), keprihatinan tinggi terhadap ilmu pengetahuan, memuliakan wanita, sangat berbangga sebagai orang Melayu-Kelantan, bersemangat ketuanan dan kewatanan yang tinggi, bersemangat keusahawanan, berbudaya kreatif, berbahasa sapaan yang sopan dan bersopan-santun yang tinggi, dan senantiasa menyanjung tinggi kedudukan kedaulatan dan kewibawaan kuasa Institusi Diraja Melayu-Kelantan. (Mohamed Anwar Omar Din, 2018).

Berorientasikan Nilai Islam

Adat atau amalan-amalan kehidupan orang Melayu-Kelantan amat berorientasikan nilai, sekali gus mereka dapat digolongkan sebagai 'masyarakat berorientasikan nilai'. Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, inti-teras nilai kehidupan Orang Melayu-Kelantan adalah terdiri daripada Islam, rakyat raja Melayu-Kelantan, beradat istiadat Melayu-Kelantan dengan mengamalkan cara hidup Melayu-Kelantan (bahasa kolokial Kelantan dan tingkah-laku) dan berkeinginan dan sentiasa bangga menjadi orang Melayu-Kelantan.

Islam menjadi inti-teras nilai utama yang senantiasa menjadi kayu ukur membentuk norma perlakuan, tindakan dan keputusan. Misalnya, nilai berasaskan Islam sentiasa dijadikan kayu ukur dan pedoman untuk menentukan 'apa yang patut' dan 'apa yang tidak patut' dilakukan. Di samping itu, Islam sentiasa dijadikan asas dalam membuat keputusan mengenai semua perkara dalam kehidupan. Betapa jahil sekalipun seseorang orang Melayu-Kelantan, namun begitu Islam merupakan nilai yang didukung olehnya bersama orang Melayu-Kelantan lain secara kolektif. Selari dengan itu, secara keseluruhannya pandangan dunia atau tasawuf (*Weltanschauung*) orang Melayu-Kelantan adalah berasaskan Islam. Nilai berorientasikan Islam ini terzahir pada sistem sosial, misalnya, dari segi status sosial (atau kedudukan seseorang dalam masyarakat), mereka sangat memuliakan golongan ulama', imam dan guru-guru agama dan meletakkan mereka pada tempat tertinggi dalam hierarki sosial Kelantan.

Berjiwa Agama

Islam sentiasa menjadi kayu ukur utama yang membentuk norma perlakuan, tindakan dan keputusan orang Melayu-Kelantan. Kejiwaan yang berpaksikan Islam ini terzahir dalam hampir semua aspek, baik daripada segi undang-undang, keluarga, masyarakat, ekonomi, budaya, pemerintahan mahupun politik kepartian. Dalil serta-merta, tidak ada seorang pun orang Melayu-Kelantan yang menentang cadangan untuk melaksanakan undang-undang Islam (disebut Hukum Hudud). Hakikat ini terzahir pada 19hb. Mac 2015 apabila Dewan Undangan Kerajaan Negeri (DUN) Kelantan meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) Pindaan 2015 setelah kesemua 45 orang ahli Dewan tersebut yang dari pelbagai parti politik – iaitu 32 PAS, 12 UMNO-BN dan 1 PKR memberi sokongan sebulat suara terhadap rang undang-undang tersebut.

Selain itu, kejiwaan Islam orang Melayu-Kelantan di akar umbi kehidupan dapat dilihat pada amalan mereka dalam melakukan Ibadat Khusus dan Ibadat Umum. Misalnya, menjadi pandangan biasa saf (barisan) hadapan solat Subuh, Maghrib dan Isyak di masjid sentiasa penuh dengan makmum. Pada bulan Ramadan, satu fenomena biasa untuk melihat orang tua, anak muda, wanita dan kanak-kanak berduyun-duyun ke masjid untuk solat Terawih secara berjemaah. Di samping itu, berpuasa Enam (pada

bulan Syawal) dilaksanakan hampir sama dengan berpuasa pada bulan Ramadan. Setelah sempurna melakukan, ia diraikan sama seperti Hari Raya Aidilfitri.

Menjunjung Tinggi Institusi Raja Melayu

Walaupun begitu dinamik dalam pelbagai bidang, terutamanya ekonomi dan pendidikan, namun sanjungan dan junjungan orang Melayu-Kelantan terhadap institusi raja Melayu sangat tinggi, tidak berbelah bagi. Misalnya, tidak ada orang Melayu-Kelantan yang menyebut perkara-perkara yang boleh merendahkan martabat, kedaulatan dan kekuasaan institusi raja Melayu-Kelantan. Beberapa insiden seperti penentangan orang Melayu-Kelantan terhadap Pindaan Perlembagaan tahun 1983 dan 1993 dan sokongan seluruh lapisan rakyat Kelantan terhadap pembelian kereta Lamborghini oleh DYMM Sultan Kelantan pada tahun 1990-an merupakan antara dalil-dalil dukungan padu orang Melayu-Kelantan terhadap institusi raja Melayu.

Bagi orang Melayu-Kelantan kedaulatan dan kekuasaan institusi raja Melayu-Kelantan adalah sesuatu yang bersifat mutlak dalam erti kata tidak ada tawar menawar. Bagi orang Melayu-Kelantan, institusi Raja Melayu itu bukan sekadar asas ketuanan Melayu dan pelindung agama Islam (sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan), tetapi juga merupakan salah satu unsur asasi pembinaan jati diri Melayu mereka. 'Orang Melayu-Kelantan' dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang memiliki empat unsur berikut secara bersepadu: beragama Islam, anak cucu rakyat raja Melayu-Kelantan, beradat istiadat Melayu-Kelantan (bahasa dan tingkah-laku) berkeinginan dan berbangga menjadi orang Melayu-Kelantan secara berterusan. Sehingga kini, orang Melayu-Kelantan masih merasakan "siapalah mereka sekiranya tidak ada raja Melayu" kerana bagi mereka tanpa institusi raja mereka akan kehilangan jati diri Melayu. Bagi mereka, mereka mungkin disebut 'orang Kelantan' tetapi 'orang Kelantan' tidak semestinya 'orang Melayu-Kelantan' kerana terdapat berbagai-bagai kaum di Kelantan seperti orang Siam Kelantan dan orang Cina Kelantan yang juga disebut 'orang Kelantan'. Unsur yang menjadikan orang Melayu-Kelantan adalah mereka adalah rakyat jelata raja Melayu-Kelantan. Dengan dukungan yang begitu mendalam secara berterusan sehingga kini itu dapat ditegaskan bahawa orang Melayu-Kelantan merupakan salah satu benteng pertahanan paling hadapan dan terakhir sekiranya ada sebarang cubaan menjatuhkan institusi raja Melayu.

Darjah Kecaknaan yang Tinggi

Orang Melayu-Kelantan mengamalkan adat budaya yang begitu tinggi darjah kecaknaan (caring) bukan sahaja terhadap ahli keluarga sendiri (anak, anak beranak, sanak saudara, kerabat) tetapi juga terhadap 'orang sekampung' dan 'orang senegeri'. Dalam adat tradisi kekeluargaan orang Melayu-Kelantan, sepupu masih dianggap 'adik-beradik'. Demikian juga dalam adat tradisi kemasyarakatan, kecaknaan orang Melayu-Kelantan dimanifestasikan dalam bentuk gotong-royong.

Keakraban bersifat kolektif antara sesama orang Melayu-Kelantan itu begitu ketara apabila mereka berada di luar negeri Kelantan. Mereka lebih cenderung bergaul sesama orang Kelantan. Mereka begitu cepat memberi bantuan kepada orang sekampung dan juga yang berasal dari negeri Kelantan yang mengalami kesusahan. Adat kecaknaan orang Melayu-Kelantan lebih kurang sama dengan orang Cina. Misalnya, sekiranya orang Cina mempunyai kongsi sebagai tempat memberi tempat berteduh dan perlindungan kepada orang-orang Cina yang baharu tiba dari Tanah Besar China, orang Melayu-Kelantan pula mempunyai adat budaya mengajak orang sekampung atau berasal dari Kelantan yang tidak mempunyai tempat tinggal apabila tiba di bandar untuk tinggal di rumah mereka.

Paling Rendah Semangat Asobiyah atau Kenegerian

Walaupun sering dilabel oleh orang luar sebagai ‘bersemangat kenegerian’ dan ‘berpuak-puak’ namun orang Melayu-Kelantan merupakan masyarakat paling terbuka untuk menerima orang luar. Penyebutan “orang Melayu-Kelantan tidak asobiah” bukanlah hanya satu klise kerana ini dapat dibuktikan realiti. Hakikat keterbukaan orang Melayu-Kelantan untuk menerima orang luar dapat dilihat pada penerimaan mereka terhadap para cendekiawan-ulama’ dan ahli-ahli politik dari luar negeri Kelantan. Misalnya, tokoh cendekiawan-ulama’ yang diakui umum oleh orang Melayu-Kelantan sendiri sebagai pengasas penubuhan institusi pondok di negeri ini iaitu bernama Haji Abdul Samad bin Abdullah (1792M-1873M) adalah berasal dari Minangkabau. Beliau dikenali Tok Pulai Chondong kerana membuka pondok di Kampung Pulai Chondong, Machang pada tahun-tahun 1830-an. Demikian juga tokoh-tokoh cendekiawan-ulama’ lain seperti Che Senik (sekitar awal abad ke-20) seorang guru al-Quran berasal dari Champa, Tok Khurasan (1875-1944) berasal dari Khurasan, dan Haji Ismail Pontianak (1882-1950) dari Pontianak.

Adat cakna kepada orang luar masih berterusan sehingga kini. Misalnya, mereka memberi layan tamu yang cukup mesra kepada orang luar yang datang melancong ke negeri ini. Kini terdapat ungkapan popular yang berbunyi “sesiapa yang datang ke Kelantan tidak akan lapar”. Itu sebabnya orang Melayu-Kelantan menerima sesiapa saja sebagai pemimpin mereka asalkan memperjuangkan isu-isu yang selaras dengan perjuangan untuk menegakkan Islam dan institusi raja Melayu. Orang Melayu-Kelantan sebagai masyarakat yang fanatik kenegerian namun hakikat sebenarnya adalah sebaliknya. Apa yang sebenarnya berlaku ialah orang Melayu-Kelantan bukanlah jenis masyarakat yang taksub, fanatik kepada kaum sendiri.

Keprihatinan Tinggi Terhadap Pendidikan

Sejak zaman berzaman orang Melayu-Kelantan terkenal sebagai masyarakat yang amat prihatin terhadap pendidikan. Menjadi amalan biasa (atau adat) bagi orang Kelantan membuka dan membangunkan pusat-pusat pengajian Islam hinggalah Kelantan ini dikenali sebagai ‘serambi Makkah’. Ini diawali dengan penubuhan institusi pengajian tinggi. Perkembangan sistem pengajian pondok begitu ketara selepas institusi pegangan ini diasaskan di negeri ini oleh Haji Abdul Samad bin Abdullah (1792M-1873M) di Pulai Chondong, Machang, pada tahun-tahun 1830-an. Semenjak itu, begitu ramai tokoh ulama’ Kelantan yang terkenal seperti Sheikh Abdul Samad al-Kelantani, Sheikh Wan Ali Kutan dari lulusan pondok yang menyambung pelajarannya ke Mekah. Apabila kembali, mereka membuka pondok di negeri ini.

Selain itu, sistem pendidikan Islam di Kelantan mula berkembang terutamanya dengan kemunculan Masjid Muhammadi pada era pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 sebagai pusat pengajian Islam yang utama dan didukung pula oleh tokoh-tokoh ulama’ lepasan al-Haramain yang berwibawa.

Bukti orang Melayu-Kelantan begitu prihatin terhadap budaya ilmu dapat ditelusuri dari pemilik mesin taip. Menurut catatan Graham (1908: 35), orang Kelantan telah menggunakan mesin taip huruf Jawi pada awal abad ke-20 lagi, malah, merupakan masyarakat watan terawal di Tanah Melayu yang menggunakan mesin taip.

Dalam kalangan masyarakat umum, rata-rata orang Melayu-Kelantan, termasuk individu-individu yang digolongkan sebagai ‘orang jahil’ – dalam erti kata memiliki ilmu keagamaan pada tahap sederhana – turut berasa bangga dengan sebutan ‘Kelantan serambi Makkah’, suatu pengucapan yang mengungkapkan rasa bangga dengan kedudukan Kelantan sebagai negeri yang terkenal membangunkan

pusat pengajian, meneruskan kelangsungan tradisi keilmuan Islam, ramainya tokoh ulama' dan adanya penulisan kitab sejak zaman berzaman.

Masyarakat Keegoan Ilmu Pengetahuan

Orang Melayu-Kelantan merupakan masyarakat yang begitu tinggi darjah kepekaan terhadap ilmu pengetahuan. Selain daripada melestarikan adat tradisi menadah kitab, orang Melayu-Kelantan umumnya sangat berminat terhadap sejarah. Misalnya, segenap lapisan masyarakat di negeri ini mengartikulasikan kisah Che Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong sebagai peristiwa bersejarah khususnya dalam pembentukan simbol jati diri negeri Kelantan.

Orang Melayu-Kelantan umumnya merasakan mereka mempunyai peradaban lama yang besar. Mereka sering menyebut peradaban Champa dan Langkasuka, dan sesiapa yang berbicara dengan orang Kelantan akan merasakan mereka menganggap merekalah merupakan orang lebih tahu tentang sejarah. Walau apa pun hakikatnya yang sebenar, dengan pendirian seperti begini orang Melayu-Kelantan merupakan masyarakat paling sukar diintimidasi oleh pemikiran Orientalis. Malah, mereka memandang kesemua pemikiran Orientalis sebagai unsur asing yang menyeleweng.

Walaupun bagaimanapun, dalam keadaan lain orang Kelantan menyatakan peradaban besar yang memberi kesan ke atas kehidupan mereka adalah peradaban Islam. Dari satu sisi, mereka menyedari bahawa Islam merupakan sumber yang mengembangkan tradisi ilmu seperti penubuhan institusi pondok, melahirkan tokoh ulama Islam merupakan asas pembentukan jati diri mereka.

Semangat Ketuanan dan Kewatanan

Orang Melayu-Kelantan mempunyai semangat yang amat tinggi dan mendalam untuk mempertahankan kedudukan orang Melayu sebagai anak watan dan tuan bagi tanah air ini. Dalilnya, mereka yang begitu kuat mempertahankan dan mendukung institusi raja Melayu. Mereka meletakkan tonggak ketuanan Melayu itu pada raja Melayu.

Dalil lain, orang Melayu-Kelantan sentiasa berbangga dengan negeri, individu, tokoh dan adat budaya negeri Kelantan. Walaupun sesetengah orang luar menanggapi orang Melayu-Kelantan sebagai masyarakat tinggi darjah 'keegoan sosial' (*social ego*) namun sentimen beginilah yang menjadikan mereka masyarakat yang mempunyai jati diri yang mantap, sangat kuat mempertahankan maruah negeri dan amat tinggi semangat patriotisme. Di samping itu, orang Melayu-Kelantan begitu tegas menyatakan negara ini adalah tanah air milik mereka. Orang Melayu-Kelantan tidak teragak-agak untuk menyatakan "kami adalah anak negeri ini (atau anak watan) yang sebenar".

Budaya Kreatif dan Keusahawanan

Secara bandingannya, orang Melayu-Kelantan adalah masyarakat watan paling kreatif. Antara hasil karya yang dapat dilihat sehingga kini ialah penciptaan batik, songket, ukiran kayu, dan pertukangan emas, perak dan tembaga mas.

Dalam keusahawanan orang Melayu-Kelantan itu berlaku adunan antara kreativiti dengan keusahawanan. Ini menjadikan orang Melayu-Kelantan merupakan masyarakat yang mampu membangunkan industri kraf berakar daripada warisan watan. Selain itu, orang Melayu-Kelantan adalah masyarakat yang kreatif dalam masakan. Ini dapat dilihat pada begitu banyak jenis yang dihasilkan oleh orang Melayu-Kelantan.

Menutup Aurat

Orang Melayu-Kelantan, baik lelaki mahupun wanita, telah mengamalkan adat budaya menutup aurat jauh sebelum mereka mengenali apa yang diistilahkan sebagai ‘pakaian dakwah’, seperti jubah, serban, purdah, telekung, mini telekung dan pakaian-pakaian lain seumpamanya yang ada kini. Sebelum wujudnya pelbagai bentuk fesyen pakaian itu, orang lelaki Melayu-Kelantan memakai semutar, seluar dan kain atas seluar. Orang wanita Melayu-Kelantan pula memakai kain sarung, kain kelubung, kain batik lepas, dan selendang.

Pemakaian begini, baik dalam kalangan lelaki mahupun wanita, merupakan pantulan jiwa orang Melayu-Kelantan sebagai masyarakat yang beradat dan beradab. Ianya berlaku selaras dengan kehendak keislaman. Selain itu, pakaian merupakan lambang status kealiman. Misalnya, semutar dipakai oleh orang-orang kebanyakan, manakala serban dipakai oleh orang alim atau para lebai.

Bahasa Sapaan yang Sopan

Sebagaimana orang Melayu di negeri-negeri lain, orang Melayu-Kelantan juga mempunyai bahasa sapaan tersendiri sama ada dalam pergaulan dalam sesama keluarga sendiri mahupun dengan orang luar. Dalam keluarga, ianya diasaskan kepada umur dan kedudukan hubungan persaudaraan seseorang itu dalam keluarga. Antara bahasa sapaan berasaskan umur dalam sesebuah keluarga sendiri yang masih diamalkan di Kelantan adalah seperti berikut: Secara amnya mereka menggunakan perkataan ‘mok’ (mak) bagi ibu. Ada juga yang masih menggunakan perkataan ‘mek’. Bagi bapa, secara amnya mereka menggunakan perkataan ‘ayoh’ (ayah). Ada juga yang masih menggunakan perkataan ‘cik’.

Sesama adik-beradik, secara amnya mereka masih menggunakan perkataan ‘adik’, ‘kak long’, ‘kak ngah’, ‘kak tih’ dan ‘kak nik’ bagi perempuan, dan ‘abang long’, ‘abang ngah’ dan ‘abang cik’ bagi lelaki. Bahasa sapaan berasaskan kedudukan persaudaraan dalam keluarga.

Pada asasnya, hubungan sesama keluarga orang Melayu-Kelantan adalah amat rapat, misalnya, para sepupu masih dianggap adik beradik. Dengan itu, menjadi kelaziman mereka menggunakan bahasa sapaan ‘adik’, ‘kak long’, ‘kak ngah’, ‘kak tih’, ‘kak cik’ dan ‘kak nik’ bagi perempuan, dan ‘abang long’, ‘abang ngah’ dan ‘abang cik’ bagi lelaki apabila berkomunikasi dengan sesama sepupu.

Dalam pergaulan biasa, orang Melayu-Kelantan tidak menggunakan perkataan ‘aku’ atau ‘kamu’, sebaliknya, menggunakan perkataan ‘kawe’ bagi aku (saya) dan ‘demo’ bagi kamu (engkau). Perkataan ‘aku’ khas digunakan hanya dalam tiga keadaan berikut: 1) oleh ibu dan ayah terhadap anak sendiri, 2) dengan kawan yang sama umur, dan 3) adakalanya sesama adik beradik sendiri. Orang lebih muda menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan bahasa sapaan seperti ‘mak cik’ dan ‘pak cik’ masing-masing bagi wanita dan lelaki yang lebih tua daripada mereka (bertaraf ibu saudara tau bapa saudara kepada mereka).

Bersopan santun

Asas kesopanan orang Melayu-Kelantan tidak banyak berbeza daripada orang Melayu dari negeri-negeri lain. Ianya berasaskan Islam yang bauan unsur-unsur setempat dalam lenggok gaya dengan percakapan dialek tempatan. Misalnya, orang lelaki tidak bersalam dengan wanita bukan muhrim, demikian juga sebaliknya. Sekiranya terpaksa, mereka melapik dengan kain untuk bersalam. Lazimnya orang wanita yang mendapatkan kain untuk bersalam. Keadaannya amat berbeza daripada pergaulan di

Indonesia yang mana suatu pandangan biasa untuk melihat wanita dan lelaki bukan-muhrim tanpa kira usia bersalam apabila berjumpa.

Tutur bahasa normatif orang Melayu-Kelantan adakah beradab. Seperti telah dinyatakan, mereka tidak menggunakan bahasa sapaan 'aku' atau 'kamu' di sebarang tempat. Malah, apabila bercakap dengan orang lebih tua atau orang yang tidak benar-benar rapat dan juga dengan orang berkedudukan, jarang orang Melayu-Kelantan menggunakan perkataan kasar. Secara nalurinya, orang Melayu-Kelantan, sama ada wanita mahupun lelaki, adalah pemalu walaupun ada kalanya mereka kelihatan lincah dan macho. Itu sebabnya orang Melayu-Kelantan amnya tidak mudah mengeluarkan kata-kata lucah, kecuali dalam lingkaran sahabat rapat. Selain itu, orang Melayu sentiasa mengelakkan daripada menyentuh perasaan orang. Suatu pandangan biasa yang boleh dilihat hingga kini apabila mahu mengucapkan sesuatu yang serius, terutamanya menyentuh peribadi dan kedudukan seseorang, orang Melayu-Kelantan sentiasa menggunakan bahasa berlapik.

Semenjak kebangkitan semula syiar Islam, menjadi pandangan biasa orang Melayu-Kelantan menerapkan prinsip Islam dalam kesantunan mereka, baik dalam bahasa sapaan (seperti 'ana', 'anta' dan 'syekh') mahupun ucapan semasa mula-mula bertemu dan berpisah (Assalamualaikum...) dan semasa menamatkan percakapan (Waalaikumussalam...).

Mengamalkan Politik Matang

Sejak era kemerdekaan lagi orang Melayu-Kelantan telah mengamalkan adat berpolitik yang boleh disebut sebagai sistem dwi-parti iaitu wujudnya dua buah parti politik yang bertukar ganti memerintah kerajaan Negeri (PAS dan UMNO). Kedua-dua buah parti politik ini mempunyai dukungan massa yang sama kuat. Amalan sistem dwi-parti ini dapat membayangkan orang Melayu-Kelantan amnya adalah masyarakat bersikap terbuka, rasional dan matang. Amalan sistem dwi-parti ini merupakan fenomena politik di negara-negara maju dan matang dari segi demokrasi.

Perlu ditekankan bahawa orang Melayu-Kelantan masih kuat mendukung institusi beraja. Ini menunjukkan sistem beraja tidaklah menghalang amalan demokrasi dan ekonomi *laissez-faire*. Keadaannya adalah lebih kurang sama dengan amalan di United Kingdom, Australia, Kanada, New Zealand dan Jepun. (M Ikhrum Fadhly, Mohd Afandi Mat Rani, Azizah Husin, A Aziz Deraman, Rosli K. Matari, Abdul Hallim Hamad, 2025).

KEPENTINGAN ADAT DAN ADAB ISLAMI

Berikut adalah perincian ringkas dapatan bagi objektif empat berkaitan kepentingan adat dan adab *Islami* dalam pembinaan jati diri dan pembangunan masyarakat Melayu Kelantan:

Pembangunan Sosioekonomi

Adat dan adab *Islami* memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, pendidikan dan ekonomi masyarakat Melayu Kelantan melalui fungsi institusi agama seperti MAIK. Penubuhannya telah memperkukuhkan pentadbiran agama Islam serta urusan muamalat yang melibatkan aspek sosial, ekonomi dan kemasyarakatan masyarakat Melayu Kelantan (Abdullah Alwi Haji Hassan, 1996; Tengku Azmi Tengku Jaafar, 1983).

Laporan rasmi kerajaan Kelantan menunjukkan bahawa MAIK terlibat dalam pelantikan imam, pengurusan zakat, penerbitan majalah Pengasoh, pengiktirafan guru agama dan pengawalan gejala sosial seperti perjudian dan loteri (Annual Report of Kelantan, 1916; Wheeler, 1927). Dalam bidang pendidikan pula, MAIK menubuhkan sekolah-sekolah agama seperti Sekolah Muhammadiyah al-Kelantaniah yang berkembang pesat sehingga melahirkan ramai golongan intelektual dan pentadbir negeri. Pembaharuan kurikulum yang memasukkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris turut membuka peluang kepada pelajar sekolah agama menduduki peperiksaan awam dan melanjutkan pelajaran ke institusi tinggi termasuk Universiti al-Azhar (Abdullah Alwi Haji Hassan, 1996).

Peranan ini menunjukkan bahawa konsep adat dan muamalat dalam Islam bukan sekadar berkaitan ekonomi, tetapi meliputi seluruh urusan kehidupan masyarakat demi menjaga maslahat manusia sebagaimana dihuraikan dalam konsep Maqasid Syariah (Shatibi, 2012).

Sumber Hukum Semasa ('Urf)

Adat turut berfungsi sebagai sumber rujukan hukum dalam masyarakat Islam selagi tidak bercanggah dengan syariat. Kedudukan ini diperuntukkan secara jelas dalam Seksyen 38, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu-Kelantan Pindaan 1994 yang menyatakan bahawa adat Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diambil kira dalam pengeluaran fatwa dan hukum.

Konsep ini dikenali sebagai al-'Adah Muhakkamah, iaitu adat yang diterima sebagai sumber pertimbangan hukum Islam (Abdullah Alwi, 2001). Shatibi (2012) menjelaskan bahawa adat merupakan sebahagian daripada ruang lingkup hukum syariah kerana Islam mengambil kira pengalaman manusia dalam menentukan kemaslahatan hidup. Oleh itu, adat yang baik dan selaras dengan syariat diterima sebagai sebahagian daripada mekanisme hukum Islam.

Selain itu, Yusuf al-Qaradhawi turut menegaskan bahawa fatwa boleh berubah mengikut perubahan zaman, tempat, keadaan dan adat masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa adat mempunyai kedudukan penting dalam memastikan hukum Islam kekal relevan dengan realiti kehidupan semasa.

Lambang Jati Diri

Adat merupakan unsur utama yang membentuk identiti Melayu Kelantan. Dalam konteks masyarakat Melayu Kelantan, jati diri tidak hanya ditentukan melalui keturunan semata-mata, tetapi juga melalui pengamalan cara hidup Melayu-Kelantan seperti penggunaan bahasa, tingkah laku dan adat budaya setempat (Fatimah @ Hasnah Daud, 2014; Mohamed Anwar Omar Din, 2018).

Keadaan ini selari dengan pentakrifan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengaitkan identiti Melayu dengan agama Islam, bahasa Melayu dan adat Melayu. Oleh itu, adat menjadi lambang kesinambungan identiti dan kebanggaan masyarakat Melayu Kelantan yang diwarisi secara turun-temurun.

Pemeliharaan Peradaban Melayu

Adat dan adab *Islami* juga penting dalam memelihara kesinambungan tamadun dan warisan budaya Melayu Kelantan. Pengamalan adat dalam kehidupan harian membantu mengekalkan nilai kesopanan, budi bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Fatimah @ Hasnah Daud (2014) menjelaskan bahawa adat Melayu Kelantan mencerminkan cara hidup masyarakat yang berteraskan adab, nilai Islam dan budaya tempatan.

Melalui pengamalan bahasa, seni budaya dan tingkah laku masyarakat Melayu-Kelantan, adat menjadi asas kepada pemeliharaan peradaban Melayu agar tidak hilang ditelan perubahan zaman. Oleh sebab itu, adat boleh dianggap sebagai salah satu unsur teras yang memastikan kesinambungan identiti dan warisan Melayu Kelantan terus kekal relevan dalam masyarakat moden. (Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, Noorhisham Md Naw, Tuan Rusmawati Raja Hassan, Nordiana Ab Jabar, Iskandar Hasan Tan (2025).

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan bagi makalah ini dapatlah dirumuskan secara mudah berdasarkan 4 jadual berikut:

Jadual 1

Identiti Melayu Kelantan

Perspektif	Huraian Identiti
Sejarah dan Genetik	Menghuni bumi Kelantan semenjak 60,000 tahun dahulu, dan secara genetiknya Melayu Proto ini dibezakan daripada populasi Mongoloid (Melayu moden).
Perundangan ('Anak Jati Kelantan')	Enakmen Tanah Negeri Kelantan 1938; sesiapa sahaja yang bapanya dilahirkan di Kelantan, tanpa mengira bangsa atau agama. Ini termasuklah masyarakat Siam Kelantan dan Cina Kelantan.
Perundangan ('Orang Melayu-Kelantan')	Merujuk kepada mana-mana bangsa dari Alam Melayu-Nusantara (seperti Jawa, Bugis, Banjar) yang beragama Islam, bertutur bahasa Melayu, dan telah bermastautin di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun.
Perspektif Watan Kelantan (Anak Jati Sebenar)	Identiti sebenar ditakrifkan dengan pemilikan empat unsur bersepadu: 1) Beragama Islam, 2) Anak cucu rakyat raja Melayu-Kelantan, 3) Beradat istiadat Melayu-Kelantan (bahasa dan tingkah laku), 4) Berbangga dan berkeinginan menjadi orang Melayu-Kelantan secara berterusan.

Jadual 2

Konsep Adat Melayu, Adab Islami dan Adat Melayu Kelantan

Perkara	Huraian Konsep
KonsepAdat Tradisi Melayu	Merujuk kepada kebiasaan hidup, budi bahasa, undang-undang, dan peraturan sosial yang diwarisi turun-temurun. Ia terbahagi kepada adat semula jadi (hukum alam), peraturan sosial yang diwarisi, dan istiadat atau amalan ritual. Dalam Islam, ia selari dengan konsep 'urf yang boleh menjadi pertimbangan hukum selagi tidak bercanggah dengan syariat.
Konsep Adab Islami	Merupakan tingkah laku, budi bahasa, kesopanan dan akhlak yang baik sebagai manifestasi keimanan seorang Muslim. Di Kelantan, ia berkembang secara bersepadu dengan adat untuk membentuk sebuah sistem budaya yang berteraskan Islam.

bersambung

Perkara	Huraian Konsep
Adat Melayu Kelantan (Menurut Persuratan)	Berdasarkan manuskrip lama seperti Hikayat Seri Kelantan, adat difahami sebagai tamadun, peradaban, budaya, cara hidup, kelaziman, dan peraturan negeri.
Adat Melayu Kelantan (Menurut MAIK)	Titah Sultan Muhammad ke-IV (1915), adat ialah amalan atau urusan keduniaan (muamalat) yang selari dengan adab Islam demi mendatangkan maslahat kepada rakyat dan kerajaan. Pengertian adat ini berpaksikan Islam bagi memajukan kemajuan sosioekonomi berteraskan Maqasid Syar'iyah.

Jadual 3

Ciri-ciri Utama Adat Melayu Kelantan dan Adab Islami

Ciri-ciri Utama	Huraian dan Bukti Amalan
Berorientasikan Islam dan Berjiwa Agama	Islam menjadi asas dan kayu ukur kehidupan yang menentukan tindakan dan norma sosial. Ini terbukti melalui sokongan padu masyarakat terhadap pelaksanaan perundangan Islam dan amalan memakmurkan masjid.
Menjunjung Tinggi Institusi Raja	Kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada institusi raja Melayu kerana ia dilihat sebagai tonggak ketuanan Melayu dan asas asasi jati diri masyarakat.
Kecaknaan Tinggi & Bebas Asobiyah	Mengamalkan budaya caring atau gotong-royong yang kuat, serta sangat terbuka kepada orang luar (tiada semangat kepuakan yang taksub), dibuktikan dengan penerimaan tokoh ilmuwan dan pemimpin dari luar Kelantan.
Keprihatinan Terhadap Ilmu Pendidikan	Mempunyai kecintaan yang besar terhadap tradisi ilmu (seperti sistem pondok) sehinggakan Kelantan mendapat jolokan 'Serambi Makkah'.
Ego Pengetahuan, Kewatanan & Ketuanan	Bangga dengan keluhuran peradaban, sukar dipengaruhi ideologi Orientalis, serta memiliki semangat ketuanan watan dan patriotisme yang amat kuat.
Kreatif, Keusahawanan & Menutup Aurat	Kreatif dalam seni pertukangan, tekstil, dan masakan hasil gabungan keusahawanan warisan watan. Mengamalkan budaya pakaian sopan dan menutup aurat secara semula jadi (seperti semutar, kain kelubung).
Kesantunan Bahasa & Pergaulan Sopan	Bertutur bahasa sopan tanpa menggunakan sapaan kasar seperti 'aku-kamu' sesuka hati, sangat memelihara adab pergaulan lelaki-wanita (tidak bersalaman berlainan jantina), dan mengamalkan politik yang matang melalui sistem dwi-parti.

Jadual 4

Kepentingan Adat dan Adab Islami dalam Pembangunan Masyarakat

Kepentingan	Huraian Peranan
Pembangunan Sosioekonomi	Adat memainkan peranan memacu urusan muamalat dan ekonomi melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Ini terbukti dalam kejayaan MAIK menguruskan pendidikan sekolah agama, pengurusan zakat, dan membasmi gejala sosial.

bersambung

Kepentingan	Huraian Peranan
Sumber Hukum Semasa ('Urf)	Adat berfungsi sebagai sumber rujukan dalam pengeluaran fatwa dan hukum (al-'Adah Muhakkamah). Ini penting untuk memastikan hukum syarak kekal relevan dengan realiti, keperluan setempat, dan perubahan zaman.
Lambang Jati Diri Bangsa	Adat dan cara hidup (bahasa, tingkah laku) menjadi teras pembentukan jati diri yang membezakan identiti Melayu Kelantan, selaras dengan semangat takrifan Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan.
Pemeliharaan Peradaban Melayu	Gabungan adat dan adab Islami bertindak mengekalkan nilai kesopanan serta kelangsungan sistem budaya. Ia adalah satu mekanisme benteng utama untuk mempertahankan warisan Melayu Kelantan ketika mendepani ancaman arus modenisasi dan globalisasi dunia luar.

Ringkasan berjadual ini merumuskan perbincangan dengan ringkas dapatan yang dinyatakan sebelum ini.

KESIMPULAN

Adat Melayu Kelantan bukan sekadar tradisi atau amalan turun-temurun, tetapi merupakan sistem budaya dan peradaban yang berteraskan Islam. Adab *Islami* pula memperkuat sistem tersebut melalui pembentukan akhlak, kesopanan dan budaya ilmu dalam masyarakat.

Gabungan adat Melayu dan adab *Islami* telah membentuk identiti masyarakat Melayu Kelantan yang unik, kukuh dan berterusan hingga kini. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan perubahan sosial moden, pemeliharaan warisan adat dan adab ini amat penting bagi memastikan kesinambungan jati diri Melayu Kelantan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Majlis Dakwah Negara Kelantan atas sumbangan dana kajian. Terima kasih ahli penyelidik Bersama UMK (Dr. Asma Lailee, Dr. Zaleha Embong, Dr. Ateerah) dan kepada para informan serta rakan yang membantu secara tidak langsung.

PENDANAAN

Penyelidikan ini telah mendapat pendanaan daripada Majlis Dakwah Negara Kelantan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Aziz Deraman, A., & Ilias, B. (2018) Kelantan : sejarah, adat dan warisan. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Pustaka Aman Press Sdn
- Abdullah Alwi Haji Hassan. (1996). *The administration of Islamic law in Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Alwi, H. (2001). *Adat dan uruf dalam perundangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Munshi. (1838). *Bahawa ini kisah pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munshi dari Singapura sampai ke Kelantan*. Singapura.
- Annual Report of Kelantan 1916 and 1917. (1917). H.M. Stationery Office.
- Fatimah @ Hasnah Daud. (2014). Adat dan adab warisan Melayu Kelantan. *TENIAT International Journal of Creative Futures and Heritage*, 2(1), 76–86.
- Gallop, A. T. (1994). *The legacy of the Malay letter*. British Library.
- Graham, W. A. (1908). *Kelantan: A state of the Malay Peninsula*. J. Maclehose and Sons.
- Haron Daud (1985). *Sejarah melayu: satu kajian dari aspek pensejarahan budaya*. UKM
- Hikayat Seri Kelantan. (2004). Diselenggarakan oleh Mohd Taib Osman. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, MB. (1991). Undang-Undang Islam di Asia Tenggara, terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat dan Anisah Che Ngah. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hooker, Mb. (1974). Adat and Islam in Malaya, in *Anthropologica* XVI, pp 69-90/<http://www.law.unimelb.edu.au/alc/people/members-and-associates/members-and-associates>, 11 Mei 2016.
- Kamus Dewan. (1989). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MacIver, R. M. (1972). *Masyarakat: Satu analisa permulaan* (Terjemahan). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masudul Alam Choudhury. (2013). *Socio-cybernetic study of God and the world-system*. IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-4666-3647-6>
- Mohamed Anwar Omar Din. (2018). Melayu Kelantan: Adat, warisan dan jati diri. Dalam A. Aziz Deraman & Baharin Ilias (Pnyt.), *Kelantan: Sejarah, adat dan warisan*.
- Muhammad Ariff Ahmad. (2007). *Nilam, nilai Melayu menurut adat*. Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Norazit Selat. (2001). Adat Melayu: Kesenambungan dan perubahan. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Adat Melayu Serumpun* (ms. 87-98). Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Shatibi. (2012). *Al-Muwafaqat fi usul al-shariah*. Imran Ahsan Khan Nyazee (Penterj.). Garnet Publishing.
- Sidin, H. M. (1964). *Asal usul 'adat resam Melayu*. Pustaka Antara.
- Skinner, C. (1966). *The civil war in Kelantan in 1839*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Tengku Azmi Tengku Jaafar. (1983). *Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta tahap-tahap permulaan perkembangannya* (Latihan ilmiah tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Wheeler, L. R. (1927). *The modern Malay*. Allen and Unwin.
- Zafarina Zainuddin. (2011, Ogos 4). Melayu Kelantan 60,000 tahun. *Berita Harian*.

Informan:

- Muhammad Ikhrum Fadhly Hussin (Pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur).
- Baharin Ilias (Pegawai Adat di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan).
- Mohd Fadli Ghani (Pegawai Penyelidik Muzium Negara dan Pengarah Islamic Institute of Independent Research on Democracy).
- Prof Dr. Mohd Afandi Mat Rani (kajian peradaban/ Rektor UiTM Machang).

Dr. Azizah Husin (kajian peradaban Melayu dan Malaysia/wakil MDN).
Dato' A Aziz Deraman (Pengerusi NGO Peradaban dan Mantan Pengarah DBP).
Rosli K. Matari (sasterawan Negeri Kelantan).
Dato' Abdul Hallim Hamad (Mantan Pegawai Adat Istiadat Negeri Kelantan dan Pengerusi MDN Kelantan).
Ismail Che Daud (penulis dan pengkaji sejarah Kelantan).
Abdul Razak Mahmud @ Ahmad Fathy al-Fatani (Penulis dan Pakar Sejarah Kelantan).
Dr. Noorhisham Md Nawî (Pengarah PEMIKIR).
Dr. Siti Fathihah Abdul Latif (Felo PEMIKIR/pengkaji sejarah Kelantan).
Dr. Tuan Rusmawati Raja Hassan (pengkaji persuratan Melayu).
Dr. Mohd Firdaus Che Yaakob (Pengkaji cerita rakyat Melayu dan Kelantan).
Dr. Nordiana Ab Jabar (pengkaji persuratan melayu dan sejarah Kelantan).
Dr. Mustafa Muhammad (Penggawa Semerak / pakar sejarah politik Kelantan).
Dr. Iskandar Hasan Tan (pengkaji politik pentadbiran Kelantan).